

BERITA ONLINE

BERNAMA

TARIKH: 15 OKTOBER 2022 (SABTU)



YIM sasar STIE di setiap negeri tahun depan



15/10/2022 09:18 PM

BERA,15 Okt (Bernama) -- Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), agensi di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menasarkannya setiap negeri memiliki sekurang-kurangnya sebuah Ruang Reka Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) pada tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif YIM Dr Sharmila Mohamed Salleh berkata sehingga kini pihaknya telah membangunkan tujuh Ruang Reka STIE antaranya di Tumpat, Kelantan; Kuala Terengganu, Terengganu termasuk yang baru dirasmikan di sini hari ini.

Katanya antara lokasi seterusnya yang akan dibangunkan Ruang Reka tersebut antaranya di Sabah, Sarawak dan Perak.

"Kebanyakannya kita bangunkan Ruang Reka ini di tempat kurang akses, terutama di lokasi ramai pelajar yang sukakan teknologi dan inovasi tetapi tiada peluang untuk ke tempat seumpama itu, jadi kita bawa kepada mereka supaya tidak ketinggalan.

Bila semua pelajar dah belajar berkenaan robotik dan sebagainya di Ruang Reka mereka akan nampak hala tuju karier ke arah mana kerjaya yang mereka ambil kelak, ia juga merupakan platform mencungkil bakat secara santai," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Ruang Reka STIE Keluarga Malaysia Bera di Balai Raya Felda Bukit Puchong di sini hari ini, yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sharmila juga berkata Ruang Reka STIE tidak hanya tertumpu kepada golongan muda atau pelajar, dengan individu yang berminat boleh menghubungi pengurus program di lokasi masing-masing.

"Kita akan melantik pengurus untuk menyelaras aktiviti di Ruang Reka, jadi masyarakat setempat akan tahu. Seperti di Bera, kita kerjasama dengan pengurus FELDA selain universiti berkaitan," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Dr Aminuddin Hassim ketika berucap berkata Ruang Reka STIE merupakan sebuah Hab Reka Cipta, Teknologi dan Inovasi yang menawarkan pembelajaran pengalaman, latihan dan bantuan teknikal yang akan dilengkapi dengan peralatan dan aplikasi teknologi seperti mesin cetak tiga dimensi dan robotik.

Beliau berkata pihaknya yakin masyarakat setempat dapat menerima banyak manfaat dan mempelajari penemuan baharu menerusi program ini.

"Usaha ini juga dapat mengembangkan kemahiran dan inovasi yang akan membantu bukan sahaja komuniti malah ia mungkin menjadi inovasi penting kepada negara bahkan di peringkat global," katanya.

Aminuddin juga berkata program tersebut bermatlamat untuk membudayakan STIE bagi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, berkemahiran, kreatif dan inovatif melalui kaedah *Quintuple Helix* (Kerajaan, Industri, Akademia, Masyarakat dan Alam Sekitar).

-- BERNAMA